

# Bonus tetap 32 dibayar — PM UM 11 NOV 1999

KUALA LUMPUR 10 Nov. — Semua kakitangan kerajaan akan tetap menikmati pemberian bonus dan kenaikan gaji seperti yang dijanjikan dalam Belanjawan 2000 walaupun ia tidak diluluskan oleh Parlimen.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika memberi jaminan itu berkata: "Bonus akan tetap diteruskan kerana kita dah janji nak bagi."

Bagaimanapun tegas Dr. Mahathir, jika rakyat membuat keputusan untuk menukar kerajaan maka terpulang kepada kerajaan baru itu untuk memotong bonus itu.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin ketika membentangkan Belanjawan 2000 baru-baru ini berkata, semua kakitangan kerajaan akan menikmati pemberian bonus sebanyak sebulan gaji atau minimum RM1,000.

Selain itu, kerajaan juga menjanjikan kenaikan gaji 10 peratus kepada kakitangan kerajaan sebagai menghargai sumbangan mereka terhadap negara.

Bagaimanapun pengumuman pembubaran Parlimen oleh Perdana Menteri petang tadi ketika belanjawan masih dibahaskan oleh Dewan Rakyat menimbulkan tanda tanya sama ada kedua-dua faedah itu akan diteruskan.

Ini kerana belanjawan yang tidak sempat diluluskan oleh Parlimen itu perlu dibentangkan semula oleh kerajaan BN jika mereka memerintah semula selepas pilihan raya yang akan diadakan tidak lama lagi.